

TARIKH: 1/7/23

SURAT KHABAR: Berita Harian

MUKA SURAT: 20

# RELA halang pelawat masuk pejabat PERKESO digantung kerja

**Kuala Lumpur:** Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sudah menggantung tugas seorang anggota Jabatan Suka-relawan (RELA) selepas didakwa cuba menghalang pelawat daripada memasuki pejabat agensi itu di Pulau Pinang.

Ketua Eksekutif PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata tindakan yang diambil itu adalah di luar pengetahuan pengurusannya dan anggota RELA itu bukan di bawah bidang kuasa kawalan keselamatannya.

Katanya, tiada sebarang arahan dikeluarkan PERKESO kepada anggota berkenaan untuk menghalang wanita yang memakai skirt daripada memasuki pejabatnya.

"PERKESO memandang serius isu tindakan luar jangka dilakukan pengawal keselamatan berkenaan. Kita ingin menegaskan apa yang berlaku

adalah di luar pengetahuan pihak pengurusan.

"Berikutan itu tindakan serta-merta sudah diambil ke atas anggota RELA itu dengan meminta penjelasan dan arahan menggantung tugas dikenakan berkuat kuasa semalam (kelmarin) sehingga siasatan kes ini selesai,"

katanya dalam kenyataan, semalam.

Sebelum ini media melaporkan, peguam, Ajit Singh Jessy mendakwa seorang pengawal keselamatan menghalang wanita memakai skirt juga rakan sekerjanya, yang hanya ingin dikenali sebagai May daripada memasuki

pejabat PERKESO.

Difahamkan, kehadiran May ke pejabat itu bagi mendaftar pembantu rumahnya dengan pertubuhan itu.

Ajit Singh dilaporkan berkata, sebaik tiba, mereka dihalang pengawal keselamatan di pintu masuk dengan alasan pakaian May adalah tidak sopan.



Mohammed Azman

Berita Harian  
ms 20  
1/7/23